

23/01/2002

Pekerja Indon terlalu ramai (HL)

Kadir Dikoh

BANGI, Selasa - Kerajaan akan mengkaji semula pengambilan pekerja dari Indonesia berikutan jumlahnya kini terlalu ramai yang mungkin menimbulkan masalah besar jika mereka melakukan sesuatu gerakan secara besar-besaran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak lagi boleh memandang ringan pelbagai masalah oleh pendatang Indonesia sejak akhir-akhir ini hingga ada pemimpin Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dari republik itu, tetapi mempunyai status penduduk tetap (PR) negara ini.

"Saya fikir jumlah mereka terlalu ramai. Kalau jadi satu gerakan secara besar-besaran, kita akan hadapi masalah," katanya selepas merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kejadian pergaduhan antara dua kumpulan pendatang dari Aceh, Indonesia di Kampung Limau Manis, Dengkil, malam semalam yang memusnahkan beberapa kedai dan kerosakan kepada kenderaan di situ.

Kejadian itu berlaku hanya empat hari selepas kira-kira 500 pekerja Indonesia merusuh dan menyerang anggota polis di asrama lelaki Kilang Hualon Corporation (M) Sdn Bhd, Nilai, dalam satu operasi membanteras penyalahgunaan dadah.

Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dalam pertemuan dengan rakyat republik itu di Kedutaan Indonesia di sini, September lalu menyebut ada lebih 1.5 juta rakyat Indonesia di Malaysia.

Pada majlis sama, Menteri dan juga Timbalan Ketua Misi Kedutaan Indonesia, Warmas Hassan Saputra, berkata rakyat Indonesia di negara ini secara sah berjumlah 550,000 orang.

Ditanya sama ada langkah mengkaji semula pengambilan pekerja Indonesia akan melumpuhkan sektor peladangan di negara ini, Dr Mahathir berkata mungkin pekerja dari negara lain boleh menjalankan kerja di sektor itu.

Pada masa sama, Dr Mahathir mahu supaya kawalan di perairan negara yang menjadi tempat pendaratan pendatang tanpa izin, dipertingkatkan.

"Kita nak kena ada pengawal yang akan menjaga pantai kita, terutama tempat yang gelap supaya kita dapat tahan mereka agar tidak mendarat di sini.

"Kita perlu hantar balik mereka yang tidak ada permit dan yang ada kerja pun kita nak usaha untuk mengurangkan sikit. Apa yang kita harap, mereka ini berasa bersyukur (dapat kerja di sini), tetapi nampaknya mereka nak buat undang-undang mereka sendiri, nak tolak undang-undang kita, itu kita tak boleh terima.

"Rakyat kita patuh kepada undang-undang, tapi kalau orang mendatang tak nak patuh, kita tak boleh tolak ansur benda macam ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, secara kebetulan beliau lalu di kawasan kejadian terbaru di Kampung Limau Manis dan nampak kebakaran yang berlaku serta kehadiran anggota polis.

"Saya lalu ikut jalan tepi itu... saya nampak polis banyak dan ada kebakaran. Saya tahulah, kerana dia orang tu duduk dalam semak, dalam hutan, buat tempat dia tinggal di situ. Bila datang polis dia lari ke situ," katanya.

Beliau menceritakan pengalamannya sebelum ini ketika terserempak dengan pendatang tanpa izin sewaktu memandu di Putrajaya dengan diiringi kereta polis.

"Bila nampak polis, dia lari masuk entah ke mana. Rupa-rupanya, pekerja di Putrajaya itupun pendatang tanpa izin. Kita tak boleh pandang ringan

lagilah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan meneliti dan menghalusi kemudahan yang diberikan kepada pendatang asing di negara ini, termasuk pemberian status PR kepada mereka.

"Saya diberitahu bahawa seorang daripada mereka yang diberi status PR ialah anggota KMM," katanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, baru-baru ini dipetik sebagai berkata, KDN akan membatalkan status PR yang diberi kepada dua rakyat Indonesia yang kini memimpin dua kumpulan pelampau, Jemaah Islamiah dan KMM.

Status PR bagi Hambali @ Nurjaman @ Riduan Isamuddin yang juga pendakwah bebas dan Ketua Majlis Muhahiddin Indonesia (MMI), Abu Bakar Bashir @ Abdus Samad, diberi oleh KDN kira-kira 10 tahun lalu.

Kedua-duanya dipercayai sudah melarikan diri sama ada ke Indonesia atau Afghanistan selepas kegiatan mereka terbongkar.

(END)